# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## RABU 27 NOVEMBER 2019

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4.<br><br>5.<br><br>6.<br><br>7.<br>8. | SALAHUDDIN NAFI TUKARKAN KSU, NASIONAL, SINAR HARIAN -1<br>PINEAPPLE CARGO, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -2<br>CHINA NEW MARKET FOR MALAYSIA'S PINEAPPLE, NEWS, THE BORNOE POST -6<br>AGRICULTURE MINISTER: TRANSFER OF CHIEF SECRETARY NOT RELATED TO RM1.4BIL CONTRACT, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A24<br>SIM TZE TZIN: PINEAPPLES EXPORT TO CHINA VIA CHARTERED FLIGHT, NATION, CHINA PRESS-A11<br>CATKING WITH CHARTERED FREIGTHER TO CHINA, NATION, KWONG WAH YIT POH- A8a<br>PERTUKARAN KSU KEPUTUSAN BIASA, NASIONAL, SINAR HARIAN -8<br>SALLEHHUDDIN TERBUKA TERIMA KEPUTUSAN, NASIONAL, SINAR HARIAN -8 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 9.<br><br>10. | MAQIS RAMPAS 514 BOTOL PUTIK BUNGA DARI CHINA, SINAR NEGERI KEDAH/P.PINANG, SINAR HARIAN -33<br>RAMPAS BIJI KOPI RM4.3 JUTA, LOKAL, HARIAN METRO, 14-15 | JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS) |
| 11.<br><br>12. | PENYERAHAN BENDERA KELAB KAROM MASTER KUCHING, SUKAN, UTUSAN SARAWAK -47<br>HONEY FOR WEIGHT LOSS, HIGHER ED/RESEARCH, NEWSTRAITSTIMES -42 | INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI) |
| 13.<br><br>14.<br>15. | HANYA 34,000 NELAYAN LAYAK TERIMA ELAUN RM250, NASIONAL, BERITA HARIAN -16<br>SERAH KEPADA LKIM, SINAR SIASAT, SINAR HARIAN -12<br>TEMPIAS HAKISAN SAMPAI KE PERAK, SINAR SIASAT, SINAR HARIAN -12 | LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM) |
| 16. | PROJEK TEBATAN SELESAI MASALAH BANJIR, TENGAH, HARIAN METRO -23 | JABATAN PENGALIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA (JPS) |
| 17.<br><br>18. | CUEPACS SIFATKAN PERTUKARAN JAWATAN SEBAGAI SATU TEKANAN EMOSI, NASIONAL, SINAR HARIAN -8<br>'NAFAS DID NOT BOOK HOTEL ROOMS TO CAMPAIGN IN TANJUNG PIAI', NATION, THE STAR -10 | LAIN-LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 27/11/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 1 |

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub menjelaskan pertukaran Ketua Setiausaha kementeriannya, Datuk Mohd Sallehhuddin Hassan ke Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) adalah pertukaran biasa antara kementerian dan jabatan kerajaan.

Sallehuddin, 57, ialah Pegawai Tadbir Diplomatik Gred Utama Turus III dalam perkhidmatan awam.

Mohd Sallehhuddin didakwa ditukarkan susulan kontroversi membabitkan tender padi bernilai RM1.4 bilion. 8



**"Saya tidak campur tangan dalam pertukaran itu yang berada di bawah bidang kuasa Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Dr Ismail Bakar dan JPA sepenuhnya."** - Kata Salahuddin kepada wartawan di lobi Parlimen semalam.



MOHD SALLEHHUDDIN HASSAN

# SALAHUDDIN NAFI TUKARKAN KSU

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 27/11/2019 | THE SUN | NEWS WITH-OUT BORDERS | 2 |




**PINEAPPLE CARGO ...** Deputy Minister of Agriculture and Agro-based Industry Sim Tze Tzin (centre), with chairman of the Malaysian Pineapple Industry Board Datuk Abdul Malik Kassim (3rd right) and chief executive officer of MAHB Raja Azmi Raja Nazuddin (4th left) at the launch of the Malaysia's inaugural pineapple chartered freighter from Kuala Lumpur to Zhengzhou yesterday. – ***BBXPRESS***

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | China new market for Malaysia's pineapple | | |
| MediaTitle | The Borneo Post (www.theborneopost.com) | | |
| Date | 27 Nov 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 4 |
| Order Rank | 6 | Readership | 1 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,400 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,200 |

# China new market for Malaysia's pineapple

SEPANG: China has become Malaysia's new international market for the premium pineapple variety, MD2, following the durian's success in penetrating the country last May.
Agriculture and Agro-based Industry Deputy Minister Sim Tze Tzin said with this new m...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

| Headline | Agriculture Minister: Transfer of chief secretary not related to RM1.4bil contract | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 27 Nov 2019 | Color | Full Color |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A24 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 273 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,434 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 10,302 |



**农民组织招标风波**

## 农长：没指示内部调查

# 秘书长调职无关14亿合约



莫哈末沙列胡丁哈山调职，无关合约风波。

**（吉隆坡26日讯）**农业及农基工业部长拿督斯里沙拉胡丁说，农业及农基工业部秘书长拿督莫哈末沙列胡丁哈山被调职，与NAFAS涉及的14亿令吉合约风波无关。

他在国会走廊受访时形容，这只是个普通的公务员调职，况且这也是政府首席秘书和公共服务局总监的权限，因此他不会干涉有关调动。

"我也没有指示或接获指示，展开内部调查有关14亿令吉合约风波。"

针对14亿令吉的工程合约课题，沙拉胡丁重申，他所做的事一切皆按规则和程序，并指有关合约颁布最终是由财政部定夺。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Sim Tze Tzin: Pineapples export to China via chartered flight | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 27 Nov 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A11 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 992 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 19,568 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 58,703 |



## 沈志勤：一年有120趟

# 黄梨包機出口中國

（吉隆坡26日讯）我国今日正式启动包机直航出口"猫王凤梨"（Cat King）到中国河南的郑州，预计今年黄梨总出口将达到3亿5000万令吉 [illegible]

[illegible]

### 鼓勵發展下遊產品

[illegible]



■沈志勤（右5）与嘉宾代表推介启动包机直航出口「猫王凤梨」到中国郑州。右起为刘向前、陈书义、阿都马力、陈国伟、拉惹阿兹米、陈宝传、黄海叶、任瑞光及许德仁。



■沈志勤（右10）与各代表见证黄梨包机直航出口到中国郑州。右9起为陈国伟及阿都马力。

## 陳國偉：創造歷史創舉

[illegible]

## 鼓勵年輕人投身農業

[illegible]

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | CatKing with chartered freighter to China | | |
| MediaTitle | Kwong Wah Yit Poh | | |
| Date | 27 Nov 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 59,667 |
| Page No | A8a | Readership | 179,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 246 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,758 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 8,274 |



## 料为我国开通更大市场

# 猫王凤梨包机出口中国

（吉隆坡 26 日讯）即日起我国猫王凤梨（CatKing）正式包机出口中国，相信将为我国的黄梨生产也开通更大的国际市场。

今日（26 日）起航前往中国郑州的猫王凤梨，已是第四趟的包机出口黄梨，从本月 14 日开始至 21 日，已经分别有 3 趟的包机飞往郑州，未来一年的 120 趟包机的预计可运输 2000 吨的黄梨到中国郑重，出口总额可达到 1200 万令吉。

### 沈志勤盼出口额达3.5亿

农业及农基工业部副部长沈志勤指出，我国每年的黄梨生产量达 5 亿 3400 万令吉，政府希望今年出口额可达到 3 亿 5000 万令吉，更预计我国黄梨的生产量每年可增加 5%。

他说，目前我国黄梨出口国家包括了新加坡（62%）、日本（9.4%）、阿联酋（8.2%）、埃及（8.7%）、伊朗（5.2%），而中国只占了 2.4%，意味着我国黄梨在中国市场还有很大的发展空间。

沈志勤今日（26日）出席猫王凤梨包机出口中国的推介礼后，在记者会上，如是指出。

他指出，随着我国黄梨有了更大的市场，相信会有更多人投入种植黄梨的行列，因此国人勿需担心供不应求导致本地黄梨价格飙涨的问题。

他说，现今有很多年轻的专业人士，如工程师、医生等等在看到了本地水果有很好的市场后，都准备投入本地水果种植行列。

他补充，年轻人会透过科技技能提高水果的生产及品质，这也对本地消费者带来好处，意味着我国消费者可以吃到更高品质的水果。

另一方面，他也鼓励本地业者发展黄梨下游行业，这将让我国的黄梨拥有更多的附加价值，随之而来的就是翻倍的出口额。

今日出席推介仪式的包括大马机场控股公司首席执行员拉惹阿兹米、马来西亚黄梨工业局主席拿督马利、POS Aviation 营运主任维甘登、宁波标果农业科技有限公司首席执行员刘向前、顶好水果有限公司董事陈书义、郑州陈氏阳光果蔬贸易有限公司董事长陈雪梅、河南罗布长风供应链管理有限公司副总经理禹海叶及九州寰宇代表任瑞光。




沈志勤（左 6 起）及陈国伟与一众嘉宾，为猫王凤梨包机飞往郑州主持推介礼。左起为维甘登、任瑞光、禹海叶、陈雪梅、拉惹阿兹米、马利、陈书义及刘向前。

### 陈国伟：追随猫山王步伐

首相对华特使兼马中商务理事会主席陈国伟指出，我国黄梨追随猫山王的步伐进军中国市场，未来一年预计 2000 吨黄梨将通过包机方式源源不绝进入中国市场。

他说，随着吉隆坡郑州包机货运直航的空中通道打通，以及郑州航空港区冷链仓的建设，马来西亚水果以及海产进入中国市场形成了直通道，延伸出多项贸易产业多元化。

他指出，郑州走在中国全国领先的跨境电商产业，是两国空中丝路贸易的重要推手，也赋予了跨境空中贸易新机遇。

"猫山王打先锋，取得开门红，接下来马来西亚优质的其他农产品、新鲜海鲜产品等也很快到通过河南的航空双枢纽供应链平台进军广大的中国内地市场。" #

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 27/11/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 8 |

# Pertukaran KSU keputusan biasa

*Penggiliran pegawai tertakluk di bawah KSN dan Ketua Pengarah JPA*

RIDAUDDIN DAUD

KUALA LUMPUR

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub menganggap bahawa pertukaran Ketua Setiausaha (KSU) kementerian itu ke Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) adalah keputusan biasa.

Menurut Salahuddin, penggiliran dan pertukaran jawatan adalah di bawah kuasa Ketua Setiausaha Negara (KSN) dan Ketua Pengarah JPA.

"Saya baca melalui grup WhatsApp, saya baca (notis pertukaran) begitu saja dan tidak ada penafian rasmi berkaitan itu.

"Jadi saya anggap itu satu keputusan biasa di pejabat KSN atau di pejabat Ketua Pengarah JPA," katanya ketika ditemui di lobi Parlimen semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Datuk Mohd Sallehhuddin Hassan yang dipindahkan ke JPA.

Baru-baru ini muncul isu pemberian kontrak padi yang diberikan secara rundingan terus kepada Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas).

Kontrak bernilai RM1.4 bilion itu pada asalnya dibuat secara tender terbuka namun Salahuddin mengaku beliau menulis surat kepada Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, pada 7 November agar ia diberikan kepada Nafas.

Isu itu mula dibangkitkan di Parlimen semasa sesi perbahasan oleh Ahli Parlimen Ayer Hitam, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong yang mendakwa tiga kontrak itu dibatalkan selepas Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menganugerahkannya secara rundingan terus.

Seorang pemimpin Amanah kemudian mendakwa ada pegawai kanan di kementerian itu bertindak mensabotaj kerajaan dengan memberikan tender tersebut tanpa pengetahuan menteri.

Sementara itu, ketika ditanya pemberita kemungkinan pertukaran itu disebabkan siasatan dalaman kementerian atau semata-mata kerana isu tersebut ditularkan, Salahuddin berkata, beliau tidak boleh mengulas lanjut.

"Itu saya tidak boleh komen sebab saya difahamkan dalam pertukaran yang saya terima, notis itu macam prosedur biasa untuk mana-mana penggiliran berlaku," katanya.

Beliau bagaimanapun berkata, tiada siasatan dalaman dijalankan terhadap bekas KSU tersebut yang mungkin boleh dikaitkan dengan pertukaran itu.



Foto: SHARIFUDIN ABDUL RAHIM

Salahuddin ketika ditemui pemberita di Parlimen semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 27/11/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 8 |

# Sallehhuddin terbuka terima keputusan

PUTRAJAYA - Bekas Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Datuk Mohd Sallehhuddin Hassan berlapang dada menerima keputusan perpindahannya ke Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).



MOHD SALLEHHUDDIN

Mohd Sallehhuddin juga reda dengan keputusan berkenaan dan berpuas hati dengan perkhidmatannya sepanjang lima tahun di MOA.

"Apa yang terjadi telah ditentukan ALLAH SWT. Saya tidak pernah kesal apatah lagi berasa penat dalam menyumbang khidmat bakti demi melaksanakan tanggungjawab. Saya reda dan menerima keputusan ini," katanya dalam satu kenyataan yang tersebar dalam laman sosial semalam.

Melalui kenyataan itu juga, Sallehhuddin memaklumkan perkhidmatannya di MOA tamat pada Jumaat lalu.

"Saya telah memberikan yang terbaik bagi memastikan MOA menjadi satu kementerian yang dipandang tinggi dan ditadbir urus dengan baik selain bertanggungjawab menjamin keselamatan makanan dan meningkatkan pendapatan negara," katanya.

Mohd Sallehhuddin, 57, berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Universiti Malaya dalam bidang Sastera.

Beliau memulakan tugas di MOA pada Februari 2014 sebagai Setiausaha Bahagian Pembangunan sebelum dilantik sebagai Ketua Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) pada Mei 2015.

Beliau kemudian dinaikkan pangkat menjadi Timbalan Ketua Setiausaha Dasar pada Februari 2016 dan KSU pada 2 Julai 2018.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 27/11/2019 | SINAR HARIAN | SINAR NEGERI KEDAH/ P.PINANG | 33 |

# Maqis rampas 514 botol putik bunga dari China

**BUTTERWORTH** - Sebanyak 514 botol putik bunga kering dari China bernilai RM4,112 dirampas oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang bulan lalu.

Pengarahnya, Zarina Ramli berkata, rampasan itu dibuat ke atas seorang warga China yang membawa dua bungkusan di laluan penumpang Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) pada jam 9.30 pagi.

Menurutnya, hasil pemeriksaan mendapati konsainan terbabit adalah jenis putik bunga kering antaranya 270 botol putik bunga mawar kering seberat 350 gram sebotol dan 244 botol putik bunga krisantimun kering seberat 500 gram sebotol.

"Kesemua barangan itu didapati dibawa masuk tanpa dokumen sah antaranya Import Permit dan Sijil Fitosanitasi yang dikeluarkan



Zarina menunjukkan botol yang dirampas dari seorang warga China di LTAPP pada bulan lalu.

dari negara pengeksport China di LTAPP.

"Jumlah keseluruhan rampasan adalah 514 botol seberat 216.50 kilogram (kg) yang dianggarkan bernilai RM4,112. Kes disiasat mengikut Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang boleh dihukum mengikut Seksyen 11(3) akta sama," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, pemilik barangan itu diberikan notis selama sebulan untuk menyelesaikan kes namun gagal berbuat demikian.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 27/11/2019 | HARIAN METRO | LOKAL | 14-15 |



KAKITANGAN Maqis Selangor menunjukkan salah satu daripada 32 kontena yang membawa biji kopi dari Indonesia di Pelabuhan Klang Utara.



Biji kopi import bernilai RM4.3 juta yang dirampas Maqis.

# Rampas biji kopi RM4.3 juta

## *Barang dagang Indonesia tak patuh syarat import*

Oleh Nur Lela Zulkipli
nurlela@hmetro.com.my

**Pelabuhan Klang**

Sebanyak 32 kontena mengandungi biji kopi import bernilai RM4.3 juta dirampas Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) pada 21 dan 23 November lalu.

Pengarah Maqis Selangor dan Negeri Sembilan, Dr Tarmisal Alimin berkata, hasil pemeriksaan mendapati barang dagangan dari Indonesia itu tidak mematuhi syarat import seperti dinyatakan dalam import permit.

"Operasi dilakukan selama dua hari iaitu pada 21 dan 23 November dan dagangan berkenaan dianggarkan bernilai RM4.3 juta seberat 2.7 tan.

> *Operasi dilakukan selama dua hari iaitu pada 21 dan 23 November dan dagangan dianggarkan bernilai RM4.3 juta seberat 2.7 tan"*
>
> **Dr Tarmisal Alimin**

"Dagangan berkenaan sudah ditahan dan disita bagi tindakan lanjut," katanya.

Beliau berkata, kesalahan itu disiasat mengikut Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 Akta 728.

"Jika disabitkan kesalahan, pesalah boleh dikenakan hukuman di bawah Seksyen 15 (2) akta sama iaitu boleh didenda tidak melebihi RM100,000 dan penjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

Katanya, Maqis sentiasa komited menjalankan pemeriksaan bagi kemasukan setiap keluaran pertanian ke Malaysia.

"Kita akan memastikan setiap barang dagangan adalah bebas perosak yang boleh membahayakan dan melumpuhkan industri pertanian negara," katanya.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Penyerahan bendera Kelab Karom Master Kuching. | | |
| MediaTitle | Utusan Sarawak | | |
| Date | 27 Nov 2019 | Color | Black/white |
| Section | SUKAN | Circulation | 37,981 |
| Page No | 47 | Readership | 113,943 |
| Language | Malay | ArticleSize | 160 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 952 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 2,856 |



# Penyerahan bendera Kelab Karom Master Kuching.

SARAWAK Sports Corporation dan Majlis Sukan Negara (Sarawak) menyerahkan bendera Sarawak dan Malaysia kepada wakil pasukan Pasukan Karom 1Malaysia, Zakaria Abdul Rahman yang juga Presiden Kelab Karom Master Kuching.

Pasukan itu akan mewakili negara ke Kejohanan Karom Antarabangsa (ICF) ke-8 di Pune India pada 1 hingga 7 Disember 2019.

Majlis penyerahan bendera itu diadakan di Pejabat Bangunan Kolam Renang Pandelela Rinong Petra Jaya pagi semalam.

Sarawak Sports Corporation (SSC) dan Majlis Sukan Negara diwakili oleh Pengurus Bahagian Pembangunan Sukan, Ahmad Rodzli Hashim.

Turut sama menghadiri Majlis tersebut Pengarah MARDI Sarawak, Mohammad Noor Adros Yahya dan Timbalannya, Dr Abdul Kadir Mohammad Hussain dan juga Ahli Jawatankuasa serta ahli-ahli Kelab Karom Master Kuching.



Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Hanya 34,000 nelayan layak terima elaun RM250 | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 27 Nov 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 82,252 |
| Page No | 16 | Readership | 246,756 |
| Language | Malay | ArticleSize | 426 cm² |
| Journalist | Hasbi Sidek | AdValue | RM 14,106 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 42,318 |




# Hanya 34,000 nelayan layak terima elaun RM250

## LKIM laksana pemutihan pastikan penerima bantuan sara hidup penuhi syarat

Oleh Hasbi Sidek
bhnews@bh.com.my



*Muhammad Faiz bersama anak nelayan yang menerima bantuan program kembali ke sekolah di Sunggala Gateway, Port Dickson, semalam.* (Foto Hasriyasyah Sabudin/BH)

**Port Dickson:** Proses pemutihan yang dijalankan sejak Mei tahun lalu, menyaksikan kini hanya 34,000 daripada 54,000 nelayan di seluruh negara, layak menerima elaun sara hidup yang dinaikkan daripada RM200 kepada RM250 sebulan mulai tahun depan.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil, berkata hanya nelayan yang memenuhi syarat seperti tertakluk peraturan sahaja, layak menerima elaun sara hidup.

"LKIM melalui Jawatankuasa Taskforce Negeri menyiasat status setiap nelayan bagi memastikan elaun yang diberikan adalah telus kepada mereka yang benar-benar layak.

"Setakat Oktober tahun ini, seramai 34,000 nelayan di seluruh negara layak menerima elaun berkenaan susulan pemutihan yang dijalankan. Dijangka jumlah itu akan meningkat kerana ada nelayan yang mengemukakan rayuan.

"Mana-mana nelayan yang tidak terpilih menerima elaun terbabit boleh mengemukakan rayuan kepada LKIM. Setiap rayuan itu akan diteliti," katanya ketika ditemui pada program kembali ke sekolah di Sunggala Gateway dekat Teluk Kemang di sini, semalam.

Pada majlis itu, 39 nelayan menerima bantuan persediaan persekolahan untuk anak masing-masing.

Muhammad Faiz berkata, pada Belanjawan 2020 yang diumumkan sebelum ini kerajaan bersetuju menaikkan elaun nelayan kepada RM250 sebulan dan LKIM menyasar 40,000 nelayan bakal menikmati manfaat itu.

"Bagi Negeri Sembilan seramai 100 nelayan dari Teluk Kemang dan 260 nelayan dari Port Dickson didapati layak menerima elaun berkenaan.

Pada November tahun lalu, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub, dilaporkan berkata proses pemutihan yang dilancarkan bertujuan mengelakkan ketirisan, penyalahgunaan dan penipuan dalam kalangan nelayan.

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 27/11/2019 | SINAR HARIAN | SINAR SIASAT | 12 |

# Serah kepada LKIM

## *Nekmat mahu LKIM tangani konflik projek mega di Pulau Pinang*

**SHAH ALAM**



Seorang nelayan menunjukkan seekor ikan yang diperolehnya sewaktu menangkap ikan di perairan Pulau Pinang baru-baru ini.



AZRIN SHAH

Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) menyerahkan kontroversi isu projek tambakan laut di perairan selatan Pulau Pinang (PSR) kepada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) negeri tersebut untuk menangani dakwaan bahawa projek itu bakal memudaratkan nelayan pantai.

Pengurus Besarnya, Azrin Shah Ismail berkata, memandangkan isu projek mega tersebut sedang dilanda kontroversi ketika ini, LKIM Pulau Pinang perlu bertindak drastik untuk memberi penjelasan kepada Nekmat, Persatuan Nelayan Pulau Pinang dan seluruh nelayan pantai mengenai kedudukan nasib mereka akibat PSR.

"Sekarang ini kita (persatuan nelayan) tahu, mana-mana projek tambakan memang akan mengganggu ekosistem laut. Maka, bagi isu PSR ini LKIM Pulau Pinang kena bertindak memberi penjelasan kepada semua nelayan yang sedang risau.

"Sejauh mana projek tambakan menjejaskan ekosistem dan kajian mengenai sebarang aktiviti pantainya kena diberitahu kepada nelayan secara jelas supaya semua pihak faham dalam isu PSR ini," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian*.

Azrin Shah mengulas mengenai kontroversi projek isu dan dakwaan seramai lebih 5,000 nelayan di Pulau Pinang dan utara Perak akan terjejas susulan pembinaan projek tersebut.

Tegasnya, PSR pastinya akan mengganggu rangkaian ekosistem dengan melibatkan perubahan muka bumi lautan, arus pada air dan suhu laut memandangkan lautan Selat Melaka bukanlah seluas Laut China Selatan.

Katanya, apabila perubahan itu terjadi, habitat ikan di perairan Pulau Pinang akan berubah kerana pelbagai plankton yang menjadi makanan ikan selama ini terjejas berikutan aktiviti tambakan di kawasan berhampiran.

"Kesannya secara langsung, ikan tiada lagi di pinggiran perairan Pulau Pinang dan golongan nelayan pantai perlu keluar ke laut lebih jauh untuk menangkap ikan di lokasi baharu.

"Masalahnya nelayan pantai pula menghadapi kekangan dari segi peralatan. Nelayan tradisi biasanya cuma memiliki bot atau sampan yang cuma boleh digunakan dalam lingkungan kira-kira lima batu nautika.

"Mereka tidak berupaya pergi ke laut sejauh lebih 30 batu nautika kerana ia melibatkan keupayaan bot, memerlukan masa lebih panjang serta melibatkan kos minyak yang tinggi.

"Rangkaian permasalahan seperti inilah yang perlu dilihat semula kerana PSR sudah pasti akan menjejaskan kawasan lubuk ikan sehingga menyebabkan hasil tangkapan ikan dan pelbagai sumber laut berkurangan.

"Kesannya sumber pendapatan nelayan pantai akan terjejas. Jadi apa kita hendak buat sekarang ini?

"Maka di sinilah semua pihak memerlukan peranan LKIM Pulau Pinang untuk memberikan maklumat yang jelas kepada semua nelayan dan persatuan nelayan termasuk Nekmat sendiri supaya semua orang tahu mengenai perancangan pada masa depan dalam isu PSR ini," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 27/11/2019 | SINAR HARIAN | SINAR SIASAT | 12 |



Pembinaan tiga pulau buatan di Pulau Pinang dikhuatiri memburukkan lagi masalah hakisan di Perak kerana kerja pengorekan pasir dilakukan adalah berskala besar.

# Tempias hakisan Pulau Pinang sampai ke Perak

GEORGETOWN - Pembinaan tiga pulau buatan di Pulau Pinang akan memburukkan lagi masalah hakisan di Perak kerana kerja pengorekan pasir yang dilakukan adalah berskala besar melibatkan pengambilan pasir yang dianggarkan sebanyak 189 juta meter padu.

Pengerusi Persatuan Aktivis Sahabat Alam Perak (Kuasa), Hafizudin Nasarudin berkata, daripada laporan kajian impak alam sekitar yang dikeluarkan, pasir akan dikorek di empat blok kawasan di Perak.

"Kawasan yang mahu dikorek itu dari daerah Kerian sampai ke daerah Manjung. Kawasan terlibat itu memang kawasan penempatan nelayan iaitu nelayan pantai dan nelayan laut dalam.

"Apa yang kita khuatir, aktiviti pengambilan tanah itu akan menyebabkan masalah hakisan di Perak bertambah parah kerana sejak lima tahun kebelakangan ini sudah banyak berlaku masalah hakisan pantai di Perak," katanya ketika ditemui di Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.

Selain itu, katanya, pengorekan pasir juga akan memusnahkan hutan bakau kerana kebanyakan kawasan pantai dari Kerian hingga ke Kuala Kurau dan Trong adalah hutan bakau yang menjadi habitat kepada hidupan marin.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Nelayan Perak, Mansor Yusof berkata, difahamkan projek PSR dijangka siap selama 15 tahun dan nelayan di Perak risau sekiranya projek mega tersebut turut menjejaskan 9,000 nelayan di negeri itu.

"Projek tiga pulau buatan itu dipercayai menyebabkan pencemaran air yang mengancam ikan di kawasan pesisir laut terutama kembung. Ikan-ikan dikhuatiri akan mati kerana terlalu sensitif dengan pencemaran air.

"Setakat pengetahuan kami, aktiviti pengorekan pasir akan dibuat bermula dari Manjung hingga ke Tanjung Piandang," katanya.

Dalam pada itu, atas dasar semangat persaudaraan sesama nelayan, kumpulan nelayan di Perlis juga membantah projek PSR terbabit.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 27/11/2019 | HARIAN METRO | TENGAH | 23 |

# Projek tebatan selesai masalah banjir



AMIRUDIN menurunkan tandatangan pada perasmian Penyiapan Projek Cadangan Tebatan Banjir di Padang Jawa, semalam.

**Shah Alam:** Masalah banjir di jalan Padang Jawa dan Sungai Rasah di sini, berakhir apabila projek tebatan banjir kawasan berkenaan siap sepenuhnya, awal bulan ini.

Menteri Besar Selangor Amirudin Shari berkata, jalan berkenaan adalah lokaliti yang sering ditenggelami air setiap kali hujan lebat.

"Kawasan Padang Jawa dan Sungai Rasah sering ditenggelami air disebabkan kedudukan tanah dan sistem saliran yang kurang berkesan.

"Justeru, kerajaan negeri pada akhir 2014 lalu mula menggerakkan projek ini selepas hampir lima tahun, ia siap dengan kos RM60 juta," katanya ketika ditemui Harian Metro selepas majlis penyerahan projek tebatan banjir di Sungai Rasah dan Jalan Padang Jawa, semalam.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Batu Tiga, Rodziah Ismail dan Pengerusi Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Izham Hashim serta Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR), Shahabuddin Mohd Muhayidin.

Amirudin berkata, bagaimanapun projek itu belum selesai sepenuhnya terutama di Taman Rashna kerana terdapat sungai dan ia berada di bawah pengurusan Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS).

Katanya, pihaknya kini dalam proses menyelesaikan secara keseluruhan, termasuk perparitan (Parit Monsun).

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 27/11/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 8 |

# Cuepacs sifatkan pertukaran jawatan sebagai satu tekanan emosi

**SHAH ALAM** - Penempatan kakitangan kerajaan ke jawatan kumpulan tidak berportfolio di Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) ketika berdepan dengan tuduhan salah laku dinilai sebagai hukuman berbentuk tekanan emosi walaupun kakitangan itu belum lagi dibuktikan bersalah.

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Datuk Azih Muda berkata, mereka sepatutnya wajar diberi peluang untuk terus berkhidmat walaupun dakwaan salah laku itu disiasat.



AZIH MUDA

"Penempatan di JPA tidak sepatutnya berlaku kerana tidak pasti lagi sama ada mereka didapati bersalah atau sebaliknya. Mereka perlu diberi peluang untuk membela diri.

"Lain kalau mereka betul-betul didapati bersalah dan kita ada lembaga tatatertib yang akan memutuskan tindakan selepas itu sama ada ditukarkan ke jabatan lain atau sebaliknya," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Azih berkata, pihaknya tidak merasakan berlakunya sabotaj dalam kerajaan membabitkan penjawat awam seperti mana dikaitkan dengan nama bekas Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd Sallehhuddin Hassan.

Ujarnya, anggota perkhidmatan awam tertakluk kepada ikrar sumpah taat setia kepada kerajaan atas nama Yang di-Pertuan Agong.

"Perkara ini mustahil berlaku kerana kami selaku kakitangan kerajaan amat setia kepada negara untuk memelihara kedaulatan negara," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 27/11/2019 | THE STAR | NATION | 10 |

# 'Nafas did not book hotel rooms to campaign in Tanjung Piai'

THE National Farmers Organisation (Nafas) did not book 38 hotel rooms to campaign during the recent Tanjung Piai by-election, says Datuk Seri Salahuddin Ayub.

In refuting the allegation, the Agriculture and Agro-based Industries Minister said based on the documents, Nafas had booked the rooms for their roadshows, held in conjunction with the National Farmers, Livestock Breeders and Fishermen's Day, which Johor is hosting.

"We booked the hotel rooms until Oct 30 or Oct 31.

"But after that, Nafas was not involved. The roadshows were held in Simpang Renggam, Johor Baru, Pontian, Benut and other areas.

"The next roadshow will be held at Plaza Angsana, Johor Baru on Thursday (tomorrow).

"Nafas is only helping out the roadshows as Johor is the host, so they booked the hotel rooms," he said in reply to a supplementary question from Siti Zailah Mohd Yusoff (PAS-Rantau Panjang) during Question Time.

Siti Zailah had asked the ministry to reveal the cost for Nafas to book the hotel rooms during the Tanjung Piai by-election.

Salahuddin said if any parties had evidence of abuse, they should submit it to him, the Malaysian Anti-Corruption Commission and the police.

He also said that the contract worth RM1.4bil to Nafas has yet to be finalised.

"This is a question of procedures.

"If you read the tender criteria, they will be finalised by the Finance Ministry.

"I did not issue any order or cancellation after the letter of acceptance was issued. So we are still following the procedures.

"If I am wrong, then let the law take its course," he said.

When met by reporters at the Parliament lobby, Salahuddin said four to five staff members in his ministry were "rotated" to another ministry.

"I received a notice from the Public Service Department (PSD) yesterday, informing me of this," he said.

However, he refused to elaborate further as the matter falls under the purview of the Chief Secretary to the Government and the PSD director-general.

Salahuddin added that presently, there is no internal investigation over the matter.

On Thursday, MCA president Datuk Seri Dr Wee Ka Siong highlighted the fiasco, asking Salahuddin to explain why he sought to award a RM1.4bil direct contract award to Nafas.

Dr Wee, who is Ayer Hitam MP, claimed this happened after the minister wrote a letter to the Prime Minister on Nov 7 for Nafas to be appointed for padi subsidy related projects for a period of three years beginning in 2020.



**Setting things straight:** Salahuddin speaking to the press after the Dewan Rakyat session at the Parliament Building in Kuala Lumpur. — Bernama

Watch the video thestartv.com